

23 APR 1996

PELAN INDUK PERUSAHAAN YANG BARU BERBEZA DPD YANG TERDAHULU, KATA RAFIDAH

Oleh: Jeffri Mohd Rafiee

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata Pelan Induk Perusahaan (PIP) yang baru di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) (1996-2000) adalah jauh berbeza berbanding dengan yang terdahulu.

"Kami sedang membuat perubahan struktur dalam dasar kami. Ia adalah satu pemikiran baru bagi semua orang," katanya kepada para anggota Forum Isu-isu Strategik di sini hari ini.

"Pendekatan kami kepada insentif juga akan berubah," katanya tanpa memberi butiran mengenai pelan baru itu.

PIP yang baru itu akan dimasukkan di dalam RMK-7, yang pelancarannya dijadual dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 6 Mei ini.

"PIP yang baru itu akan menggunakan pendekatan berkelompok kepada pengindustrian, di mana kami mahukan perhubungan antara industri untuk membantu membangunkan industri-industri tambahan dari kalangan perusahaan kecil dan sederhana."

Dalam hubungan ini, beliau berkata kerajaan akan terus memberi sokongan dari segi dasar dan langkah-langkah institusian dengan input-input daripada sektor swasta melalui perundingan.

"Faktor asas bagi pemajuan dasar-dasar perindustrian Malaysia adalah menghasilkan keluaran untuk pasaran luar, dan unsur terpenting adalah untuk berdayasaing bagi kejayaan dan pencapaian perusahaan dan pemasaran," katanya.

Beliau berkata selain daripada memastikan kedayasaingan keluaran-keluaran buatan Malaysia, penekanan yang lebih akan diberikan kepada pengeksporan perkhidmatan, sama ada melalui usaha-usaha sama atau sebaliknya.

Malaysia juga akan terus memupuk dan menggalakkan jenis-jenis industri yang boleh memberi faedah paling besar kepada negara, dengan mengambil kira kelebihan-kelebihan daya saing sekarang dan potensi dayasaing yang boleh dimajukan, tambahnya.

Beliau juga berkata bahawa Malaysia akan terus bersikap pragmatik, dengan keluwesan kepada sebarang perubahan dasar sepanjang masa.

Dasar dan strategi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) juga perlu diperlengkapkan oleh dasar-dasar pragmatik agensi-agensi kerajaan yang lain.

Bagi MITI, Rafidah berkata proses perindustrian strategiknya, sekarang dan pada masa depan, akan dipengaruhi oleh perkara-perkara dalam negeri, perubahan-perubahan sejagat di dalam persekitaran perindustrian dan pembuatan.

Dasar tersebut juga perlu memenuhi komitmen berbilang hala Malaysia dan bersedia menghadapi "perkara-perkara asing" yang berpunca daripada persekitaran dagangan sedunia yang sebenarnya bukan perkara-perkara dagangan seperti isu buruh dan sosial, katanya.

"Malaysia perlu berpengaruh serta bertindak balas dan meletakkan diri secara berkesan bagi menghadapi isu-isu tersebut," tambahnya.

Rafidah juga memberitahu sektor swasta supaya mengekalkan kedayasaingan kos untuk mengurus niaga di Malaysia. -- BERNAMA

JR SIA